

Uchapan : ADHO
588
157/80

Uchapan Y.B. Inche Hussein Onn,
Menteri Pelajaran di-Upachara
Pembukaan Resmi permainan Lalu
Lintas Shell pada 4hb Julai, 1972
jam : 4.00 petang,
di-Kuala Lumpur

Saya berasa amat sukachita di-jemput
merasmikan permainan lalu lintas Shell pada petang
ini. Saya berkata demikian oleh kerana permainan
yang di-adakan tiap2 tahun saperti ini, mempunyai
objektif menanamkan dalam fikiran kanak2 akan peri
mustahak-nya keselamatan jalan raya. Tiap2 tahun,
ramai mereka yang tidak berdosa telah kehilangan
nyawa dan banyak lagi telah menjadi chedera atau
chachat di-jalan2 raya. Perkara ini akan bertambah
sedeh, sakira-nya nyawa yang melayang dan anggota2
yang chachat itu, ada-lah dari anak2 yang kita kasehi.
Kechelakaan ini dengan mudah-nya dapat di-elakkan,
sakira-nya pemandu2 motokar, penonggang2 motorsikal
~~dan basikal~~ dan pengguna2 jalan raya yang lain, ber-
timbang rasa terhadap keselamatan dan kebaikan orang
lain. Ada-lah sedeh tetapi benar, ^{jika} ~~kalau~~ di-katakan

bahawa sa-saorang ayah yang baik, bertimbang rasa dan lemah lembut semasa di-rumah, ^{bertukar menjadi} ~~itu~~ boleh ~~pula bersikap~~ sebagai sa-orang shaitan apabila ia memandu kenderaan.

mengguna semasa pengguna2 jalan raya agar :

(a) Berhemat2 lebih lagi semasa memandu kereta atau berjalan kaki,

(b) Bertimbang rasa terhadap lain2 pengguna jalan raya,

(c) Bertertib dan berdisiplin semasa di atas jalan raya,

(d) Mematuhi isyarat2 lalu-laluan dan undang2 jalan raya,

(e) Mengagak kemungkian/keselamatan orang lain.

2. Mengelak atau mengurangkan kemalangan jalan raya itu ada-lah perkara senang. Dalam rayuan-nya malam semalam, Perdana Menteri kita menggesa semua pengguna2 jalan raya agar :

- (a) Berhemat2 lebeh lagi semasa memandu kereta atau berjalan kaki,
- (b) Bertimbang rasa terhadap lain2 pengguna jalan raya,
- (c) Bertertib dan berdisiplin semasa di-atas jalan raya,
- (d) Mematohi isyarat2 lalu-lintas dan undang2 jalan raya, dan *kechuaian dan*
- (e) Mengagak kemungkinan/kesalahan2 orang lain.

3. Sungguh pun bilangan kemalangan begitu dahshat banyak-nya beberapa tahun yang lalu, dan sekali pun berbagai aktiviti dan kempen untok keselamatan jalan raya, kerja2 pembaikan jalan2 dan penggubalan undang2 yang ketat, namun begitu kadar kemalangan jalan raya terus meningkat. Kita tidak-lah boleh lari dari tanggung-jawab ini. Kempen keselamatan jalan raya mesti-lah di-teruskan bukan hanya sebagai peristiwa setahun sekali tetapi elok juga di-jadikan kempen tiap2 hari.

4. Di-jalan2 raya yang sebok, di-bandar2 atau luar bandar, kanak2 ----- terutama sekali kanak2 sekolah ada-lah selalu-nya menjadi sasaran. Sekolah2 telah pun dan akan terus di-minta memperhebatkan lagi kempen2 keselamatan jalan raya untok murid2 sekalian.

5. Dengan mengelolakan permainan ini, Shell Malaysia Trading Berhad, ada-lah merupakan salah satu daripada pertubohan2 yang menyumbangkan perkhidmatan yang sangat besar faedah-nya untok orang ramai. Saya dan juga orang ramai menguchapkan terima kaseh kepada sharikat ini. Kita berharap dan berdo'a, semoga kempen keselamatan jalan raya kebangsaan pada tahun ini, akan menimbulkan kesedaran di-kalangan kita semua betapa besar-nya tanggung-jawab kita terhadap keselamatan orang lain di-jalan2 raya.

Dengan saberapa sukachita-nya saya rasmikan pembukaan permainan ini dan menguchapkan selamat berjaya.